

17 DEC 1998  
Mahkamah-Anwar (Konspirasi)  
TIADA KONSPIRASI POLITIK JATUHKAN ANWAR, KATA MUSA

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- SAC I Musa Hassan hari ini memberitahu Mahkamah Tinggi bahawa siasatan polis tidak menunjukkan adanya konspirasi politik untuk menjatuhkan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya siasatan sebaliknya menunjukkan wujudnya konspirasi oleh Anwar dan individu lain untuk menghalang proses keadilan, dan Anwar menggunakan jentera kerajaan, iaitu polis, bagi melindungi dirinya.

Musa berkata demikian ketika ditanya oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Azahar Mohamed mengenai hasil siasatan terhadap apa yang didakwa adanya konspirasi politik terhadap Anwar.

Semalam, Musa, yang merupakan pegawai penyiasat kes berkanaan, berkata beliau ada menjalankan siasatan terhadap apa-apa elemen atau ahli politik untuk memastikan sama ada terdapat konspirasi politik terhadap Anwar.

Beliau memberikan jawapan itu kepada soalan peguam Gurbachan Singh yang bertanya: "Adakah kamu melakukan penyiasatan ke arah sama ada terdapat sebarang elemen atau ahli politik yang terlibat dalam satu pakatan terhadap tertuduh?"

Musa, saksi pendakwa ke-13 memberi keterangan pada perbicaraan terhadap Anwar, 51, bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan, yang didakwa dengan empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis mengenai dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Tuduhan itu mengikut Seksyen 2 (1) Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-dua jika sabit kesalahan.

Perbicaraan dijalankan di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Semasa Musa, pegawai penyiasat kes itu memberikan jawapan tiada konspirasi politik menjatuhkan Anwar tetapi siasatan beliau menunjukkan wujudnya konspirasi oleh Anwar sendiri, (Anwar yang berada di kandang tertuduh mengangkat dan menggenggam tangan kanannya sambil tersenyum menoleh ke belakang melihat anggota keluarga dan orang awam).

Hakim Paul tersenyum dan secara berseloroh berkata: "Apa yang perlu dibuktikan oleh 55 saksi, beliau telah buktikan dalam tiga ayat."

Mengenai kenapa kenyataan tidak diambil daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Musa berkata ia kerana Ummi Hafilda Ali hanya menyebut beliau menghantar surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri kepada Perdana Menteri.

Ummi Hafilda, adik kepada bekas setiausaha sulit Anwar, Mohd Azmin, menulis surat Perihal Salah Laku itu yang dialamatkan kepada Perdana Menteri dan disertakan bersama surat pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar yang mendakwa diliwat Anwar. Azizan ialah bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Musa, Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (CID) Bahagian Perundangan dan Pendakwaan berkata kenyataan juga tidak diambil daripada Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin kerana peranannya dalam kes itu adalah minimal. Ummi Hafilda hanya berkata beliau berjumpa menteri kabinet itu supaya surat yang ditulisnya diserahkan kepada Perdana Menteri.

Menjawab kenapa tiada kenyataan daripada Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah dan Ketua Polis Negara diambil, Musa menjelaskan bahawa mereka tidak memainkan apa-apa peranan dalam kes yang disiasatnya.

Semasa ditanya mengenai sebab beliau menganggap penglibatan cawangan khas dalam siasatan terhadap surat Talqin Terbuka itu dan surat perihal

salah laku serta pengakuan bersumpah Azizan itu sebagai luar biasa, Musa berkata kebiasaannya penglibatan cawangan khas ialah bagi jenayah sindiket.

Cawangan khas hanya menjalankan pengawasan dan memberikan maklumat kepada CID untuk mengambil tindakan, katanya.

Ketika ditanya siasatan beliau yang tidak dapat mengenalpasti penulis surat "Talqin Terbuka Untuk Anwar Ibrahim", surat layang yang menceritakan salah laku seks Anwar, Musa berkata ia kerana beliau diarah untuk menutup kes itu.

Semasa ditanya siapa yang memutuskan untuk mendakwa Anwar mengikut Seksyen 2 Ordinan 22, Musa berkata beliau yang mengesyorkan perkara itu kepada Peguam Negara tetapi keputusannya dibuat oleh Peguam Negara kerana bidang kuasanya.

Beliau berkata siasatan bagi buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM," dikelaskan mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan tetapi ditukar kemudiannya sepertimana yang pernah dilakukan dalam beberapa kes lain.

Mengenai siasatan terhadap surat Talqin Terbuka itu, Musa berkata beliau merujuk kertas siasatan kes itu kepada Peguam Negara kerana mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara bahawa setiap kes yang menarik perhatian dan melibatkan pemimpin negara diserahkan kepadanya.

"Setelah mendapat persetujuan Peguam Negara untuk tidak diambil tindakan lanjut pada 8 Sept lepas, saya menamatkan siasatan kes ini," katanya yang menjelaskan bahawa beliau kemudian memaklumkan perkara itu kepada pegawai atasannya.

Siasatan terhadap kes itu timbul semula apabila wujudnya siasatan terhadap buku 50 Dalil pada Jun lepas, katanya lagi.

-- BERNAMA

NHD RON